

**PERISIAN MULTIMEDIA BERASASKAN ANIMASI BAGI
PEMBELAJARAN SUBTOPIK ISIHAN**

DANAKORN NINCAREAN A/L EH PHON

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PERISIAN MULTIMEDIA BERASASKAN ANIMASI BAGI
PEMBELAJARAN SUBTOPIK ISIHAN**

DANAKORN NINCAREAN A/L EH PHON

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat Penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan)**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI, 2011

*Nukilan ini istimewa buat semua yang terdekat
di hati ini*

PENGHARGAAN

Seinfiniti penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Mohamad bin Bilal Ali selaku penyelia saya yang terlalu banyak dan sentiasa membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar dan juga sebagai pemudahcara sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Tanpa tunjuk ajar yang begitu jitu dan padu daripada beliau, mana mungkin saya dapat menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan.

Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada kedua ibu bapa saya serta ahli keluarga yang telah mendidik dan mengasuh saya dari kecil sehinggalah ke hari ini. Jutaan terima kasih kerana sentiasa bersama saya serta tidak jemu-jemu dalam memberikan galakan, sokongan serta bantuan. Segala pengorbanan dan kasih sayang yang dicurahkan, hanya Tuhan yang dapat membalasnya.

Ribuan terima kasih kepada semua pensyarah di fakulti pendidikan yang pernah mengajar saya selama pengajian saya disini. Prof Bahar, PM Mohamad, Dr.Zaida, Dr.Jamal, Dr.Fandy, Dr.Dayang, En.Jo, En.Razak, Pn.Norah, En.Shah, Prof Azlan, PM Mat Jizat, Prof Zaitun, Dr.Rahim, Dr.Najib, Pn.Hanim, Dr.Azlina, Prof.Ismail. Terima kasih dengan ilmu yang dicurahkan, ia sangat bermakna. Jasa kalian akan saya kenangkan sampai bila-bila. Terima kasih juga kepada semua pensyarah lain walaupun tidak pernah mengajar saya, tapi jasa anda dalam mencurahkan ilmu amat disanjung tinggi.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan dan sahabat handai seperjuangan yang tidak pernah lupa untuk menghulurkan bantuan jika diperlukan. Bantuan dan sokongan yang diberikan adalah amat bermakna dalam menghadapi cabaran dalam menyiapkan kajian ini, ribuan terima kasih. Saya juga terhutang budi kepada pihak-pihak yang memberikan kerjasama dalam mendapatkan data-data yang diperlukan. Terima kasih. Akhir kata, terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau secara tidak langsung. Jasa kalian hanya Tuhan sahaja dapat membalasnya.

ABSTRAK

Melihat senario reformasi sistem pendidikan di Malaysia yang semakin pesat membangun pada zaman teknologi maklumat kini, masalah pengajaran dan pembelajaran kebanyakannya berjaya diselesaikan dengan menggunakan multimedia yang kini telah dianggap sebagai salah satu teknologi yang amat penting. Selaras dengan itu, tujuan kajian ini ialah untuk merekabentuk dan membangunkan perisian multimedia yang menggunakan pendekatan animasi berkomputer bagi pembelajaran topik Algoritma Isihan. Dengan berlandaskan model rekabentuk intruksi ADDIE, perisian multimedia ini dibangunkan berasaskan kepada pendekatan pembelajaran teori konstruktivisme. Proses penilaian yang dilakukan adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada pelajar terhadap kefahaman mereka serta penilaian terhadap tiga aspek reka bentuk iaitu reka bentuk informasi, reka bentuk interaksi dan reka bentuk antara muka perisian yang dibangunkan. Sampel kajian projek ini terdiri daripada 20 orang pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia yang telah mengikuti subjek Struktur Data dan Algoritma. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah soal selidik dan temubual. Hasil daripada analisis didapati reka bentuk antara muka mendapat nilai min yang tertinggi (min=4.30) diikuti oleh reka bentuk informasi (min=4.24) dan reka bentuk interaksi (min=4.20). Bagi kaedah temubual, pembentukan tema telah dilakukan berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh responden dan hasil analisa menunjukkan responden memberikan maklum balas yang positif. Berdasarkan hasil dapatan kajian, pengkaji dapat merumuskan bahawa perisian yang dibangunkan sesuai digunakan dan membantu dalam pembelajaran.

ABSTRACT

Looking at the scenario of reformation in Malaysia education system which is growing rapidly in the era of information technology nowadays, teaching and learning problems mostly can be solved by using multimedia which is now is one of the most important technology. Therefore, the purpose of this study is to design and develop multimedia courseware that based on animation approach on the topic of Sorting Algorithms. Based on ADDIE instructional design method, this multimedia courseware was developed based on constructivisme approaches. The evaluation process was conducted to obtain students feedback towards their understanding and the main aspects of design which are information design, interaction design and presentation design of the developed courseware. The study sample for this study consisted of 20 students from Faculty of Electrical Engineering, Universiti Teknologi Malaysia who had taken Data Structure and Algorithm subject. The instruments used to gather the data were questionnaire and interview. Results based on the analysis showed that the interface design recorded a highest score of mean (mean=4.30) followed by the information design (mean=4,24) and interaction design (mean=4.20). For interview technique, the formation of themes was done based on the feedback given by the respondents and the analysis had shown that the respondents gave positive feedbacks. Based on the findings of the study, a researcher can conclude that the courseware can be used to assist in learning.

KANDUNGAN

| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|--------------|----------------------------|-------------------|
| | HALAMAN JUDUL | i |
| | HALAMAN PENGAKUAN | ii |
| | DEDIKASI | iii |
| | PENGHARGAAN | iv |
| | ABSTRAK | v |
| | ABSTRACT | vi |
| | KANDUNGAN | vii |
| | SENARAI JADUAL | xiii |
| | SENARAI RAJAH | xiv |
| | SENARAI SINGKATAN | xvi |
| | SENARAI LAMPIRAN | xvii |
| BAB 1 | PENDAHULUAN | 1 |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Latar Belakang Masalah | 4 |
| | 1.3 Pernyataan Masalah | 9 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 10 |
| | 1.5 Persoalan Kajian | 10 |
| | 1.6 Rasional Kajian | 11 |
| | 1.7 Kepentingan Kajian | 12 |

| | | |
|--------------|---|-----------|
| 1.8 | Skop Kajian | 13 |
| 1.9 | Definisi Istilah | 13 |
| 1.10 | Penutup | 16 |
| BAB 2 | SOROTAN PENULISAN | 17 |
| 2.1 | Pengenalan | 17 |
| 2.2 | Pengajaran dan Pembelajaran | 18 |
| 2.3 | Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran | 19 |
| 2.4 | Definisi Multimedia | 22 |
| 2.5 | Elemen-elemen Multimedia | 24 |
| 2.5.1 | Teks | 24 |
| 2.5.2 | Grafik | 25 |
| 2.5.3 | Animasi | 26 |
| 2.5.4 | Audio | 27 |
| 2.5.5 | Video | 27 |
| 2.6 | Prinsip-Prinsip Pembelajaran Melalui Multimedia | 28 |
| 2.7 | Kajian Mengenai Keberkesanan Multimedia dalam Pendidikan | 34 |
| 2.8 | Pembelajaran Berbantuan Komputer | 37 |
| 2.9 | Jenis-jenis PBK | 38 |
| 2.9.1 | Kelebihan PBK | 40 |
| 2.9.2 | Kelemahan PBK | 41 |
| 2.10 | Kajian Mengenai Keberkesanan Pembelajaran Berbantuan Komputer | 42 |
| 2.11 | Teori Pembelajaran | 45 |
| 2.11.1 | Teori Pembelajaran Behaviourisme | 45 |
| 2.11.2 | Teori Pembelajaran Kognitif | 46 |
| 2.11.3 | Teori Pembelajaran Konstruktivisme | 46 |
| 2.12 | Aplikasi Prinsip Teori Konstruktivisme ke dalam Reka Bentuk Pembinaan Perisian PBK | 50 |
| 2.13 | Pendekatan Animasi | 52 |

| | | |
|-------|--|----|
| 3.6.4 | Kaedah Analisa Bahagian C: Reka Bentuk Interaksi | 92 |
| 3.6.5 | Kaedah Analisa Bahagian D: Reka Bentuk Persembahan | 93 |
| 3.6.6 | Kaedah Analisa Bahagian E: Kefahaman Pelajar | 93 |
| 3.6.7 | Kaedah Analisa Bahagian F: Komen Cadangan | 94 |
| 3.6.8 | Kaedah Analisa Dapatan Temubual | 94 |
| 3.7 | Penutup | 95 |

BAB 4 REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN PERISIAN 96

| | | |
|-------|---|-----|
| 4.1 | Pendahuluan | 96 |
| 4.2 | Pembangunan Perisian Multimedia | 97 |
| 4.3 | Fasa Analisis | 100 |
| 4.4 | Fasa Reka Bentuk | 106 |
| 4.4.1 | Reka Bentuk Informasi | 107 |
| 4.4.2 | Reka Bentuk Interaksi | 110 |
| 4.4.3 | Reka Bentuk Persembahan | 112 |
| 4.4.4 | Gambaran Awal Reka Bentuk Perisian | 114 |
| 4.5 | Fasa Pembangunan | 117 |
| 4.5.1 | Pembangunan Aspek Reka Bentuk Informasi | 117 |
| 4.5.2 | Pembangunan Aspek Reka Bentuk Interaksi | 125 |
| 4.5.3 | Pembangunan Aspek Reka Bentuk Persembahan | 128 |
| 4.6 | Fasa Pelaksanaan | 134 |
| 4.7 | Fasa Penilaian | 133 |
| 4.8 | Penutup | 133 |

BAB 5 ANALISA DATA 134

| | | |
|---------|---|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 134 |
| 5.2 | Analisa Dapatan Soal Selidik | 135 |
| 5.2.1 | Analisa Bahagian A: Profil Responden | 135 |
| 5.2.1.1 | Jantina | 135 |
| 5.2.1.2 | Tahun Pengajian | 136 |
| 5.2.2 | Analisa Bahagian B : Reka Bentuk Informasi | 137 |
| 5.2.3 | Analisa Bahagian C : Reka Bentuk Interaksi | 139 |
| 5.2.4 | Analisa Bahagian D : Reka Bentuk Persembahan | 140 |
| 5.2.5 | Analisa Bahagian E : Kefahaman Pengguna | 141 |
| 5.2.6 | Analisa Bahagian F : Komen dan Cadangan | 143 |
| 5.3 | Analisa Dapatan Data Temubual | 144 |
| 5.4 | Penutup | 146 |

BAB 6 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN 147

| | | |
|-------|--|-----|
| 6.1 | Pengenalan | 147 |
| 6.2 | Perbincangan Dapatan Kajian | 148 |
| 6.2.1 | Perbincangan Mengenai Dapatan Kajian Dari Sudut Reka Bentuk Informasi | 148 |
| 6.2.2 | Perbincangan Mengenai Dapatan Kajian Dari Sudut Reka Bentuk Interaksi | 152 |
| 6.2.3 | Perbincangan Mengenai Dapatan Kajian Dari Sudut Reka Bentuk Persembahan | 154 |
| 6.2.4 | Perbincangan Mengenai Dapatan Kajian Dari Sudut Kefahaman Pelajar | 158 |

| | | |
|-------|---|-----|
| 6.3 | Perbincangan Mengenai Cadangan dan Komen Pengguna | 159 |
| 6.3.1 | Tema Kebolegunaan | 160 |
| 6.3.2 | Tema Menarik | 161 |
| 6.3.3 | Tema Cadangan Penambahbaikan | 161 |
| 6.4 | Perbincangan Mengenai Komen Pengguna Melalui Temubual | 161 |
| 6.5 | Kesimpulan | 164 |
| 6.6 | Cadangan Untuk Kajian Lanjutan | 165 |
| 6.7 | Penutup | 166 |

RUJUKAN

Lampiran A - D

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------|---|------------|
| 2.1 | Bagaimana Manusia Mengingati Secara Pasif | 19 |
| 2.2 | Bagaimana Manusia Mengingati Secara Aktif | 19 |
| 2.3 | Kaedah Pengajaran-Pembelajaran Yang Boleh Digunakan Bagi Menghasilkan Perisian Multimedia Yang Berkesan | 39 |
| 2.4 | Sembilan Peringkat Pembelajaran Gagne | 65 |
| 3.1 | Kaedah Analisa Data Menggunakan Skala Likert | 86 |
| 3.2 | Kaedah Analisa Data Berdasarkan Kepada Bahagian Soalan Bagi Instrumen Soal Selidik | 90 |
| 3.3 | Taburan Responden Berdasarkan Jantina | 91 |
| 3.4 | Taburan Responden Berdasarkan Tahun Pengajian | 91 |
| 3.5 | Contoh Item Bahagian B- Reka Bentuk Informasi Serta Cara Analisa Data | 92 |
| 3.6 | Contoh Item Bahagian C- Reka Bentuk Interaksi Serta Cara Analisa Data | 92 |
| 3.7 | Contoh Item Bahagian D- Reka Bentuk Persembahan Serta Cara Analisa Data | 93 |
| 3.8 | Contoh Item Bahagian E- Kefahaman Pelajar Serta Cara Analisa Data | 93 |
| 3.9 | Analisa Data Bagi Komen dan Cadangan | 94 |
| 3.10 | Cara Analisa Data Temubual | 94 |
| 5.1 | Taburan Responden Mengikut Jantina | 135 |
| 5.2 | Taburan Responden Mengikut Tahun Pengajian | 136 |

| | | |
|-----|---|-----|
| 5.3 | Analisa Data bagi Reka Bentuk Informasi | 137 |
| 5.4 | Analisa Data bagi Reka Bentuk Interaksi | 139 |
| 5.5 | Analisa Data bagi Reka Bentuk Persembahan | 140 |
| 5.6 | Analisa Data bagi Kefahaman Pengguna | 141 |
| 5.7 | Komen dan Cadangan Pengguna | 143 |
| 5.8 | Analisa Data bagi Soalan Temubual | 144 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------|---|------------|
| 2.1 | Kon Pembelajaran | 20 |
| 2.2 | Elemen-Elemen Multimedia | 23 |
| 2.3 | Komponen Memori | 28 |
| 2.4 | Model Pemprosesan Maklumat Berdasarkan Mayer (2005) | 29 |
| 2.5 | Ringkasan Daripada Prinsip Pembelajaran Melalui Multimedia | 33 |
| 2.6 | Ciri- Ciri Pembelajaran Secara Konstruktivisme | 48 |
| 2.7 | Animasi Popular yang Menggunakan Teknik Animasi Sel | 53 |
| 2.8 | Animasi yang Dihasilkan dengan Menggunakan Teknik Clay Motion dan Stop Motion | 54 |
| 2.9 | Animasi Popular Yang Menggunakan Teknik Animasi Berkomputer | 55 |
| 3.1 | Penilaian Skor Min | 89 |
| 4.1 | Aliran Kerja Berdasarkan Model ADDIE | 99 |
| 4.2 | Reka Bentuk Interaksi : Struktur Komposit | 110 |
| 4.3 | Gambaran Awal Halaman Montaj | 114 |
| 4.4 | Gambaran Awal Halaman Menu Utama | 114 |
| 4.5 | Gambaran Awal Halaman Bubble Sort : Modul 1 | 115 |
| 4.6 | Gambaran Awal Halaman Bubble Sort : Modul 2 | 115 |
| 4.7 | Gambaran Awal Halaman Bubble Sort : Modul 3 | 116 |
| 4.8 | Gambaran Awal Halaman Bubble Sort : Modul 4 | 116 |

| | | |
|------|--|-----|
| 4.9 | Paparan Antaramuka Montaj | 118 |
| 4.10 | Paparan Antara Muka Utama | 119 |
| 4.11 | Paparan Antaramuka Bubble Sort Modul 1 | 120 |
| 4.12 | Paparan Antaramuka Bubble Sort Modul 1 | 121 |
| 4.13 | Paparan Antaramuka Bubble Sort Modul 2 | 122 |
| 4.14 | Paparan Antaramuka Bubble Sort Modul 3 | 123 |
| 4.15 | Paparan Antaramuka Bubble Sort Modul 4 | 124 |
| 4.16 | Paparan Antaramuka Selection Sort Modul 1 | 125 |
| 4.17 | Paparan Antaramuka Selection Sort Menu Modul | 126 |
| 4.18 | Paparan Antaramuka Arahan Selection Sort Modul2 | 127 |
| 4.19 | Paparan Antaramuka Montaj : Saiz Paparan | 128 |
| 4.20 | Paparan Antaramuka Utama : Pergerakan Mata | 129 |
| 4.21 | Paparan Antaramuka Insertion Sort Menu Modul | 130 |
| 4.22 | Paparan Antaramuka Insertion Sort Modul 1 | 131 |
| 4.23 | Paparan Antaramuka Insertion Sort Modul 4 | 132 |
| 5.1 | Taburan Responden Mengikut Jantina | 136 |
| 5.2 | Taburan Responden Mengikut Tahun Pengajian | 136 |

SENARAI SINGKATAN

| SINGKATAN | | PERKATAAN PENUH |
|-----------|---|---|
| 2D | - | 2 Dimensi |
| 3D | - | 3 Dimensi |
| ATM | - | Automatik Teller Machine |
| AVI | - | Audio Video Interleaved |
| BMP | - | Bit Map Picture |
| FKE | - | Fakulti Kejuruteraan Elektrik |
| FLV | - | Flash Video |
| fps | - | Frame Per Second |
| GIF | - | Graphic Interchange Format |
| ISO | - | International Organization for Standardization |
| JPEG | - | Joint Phothographic Expert Group |
| MID | - | Musical Instrument Digital Interface |
| MOV | - | QuickTime Movie |
| MPEG | - | Moving Picture Experts Group |
| MP3 | - | MPEG-1 Audio Layer 3 |
| MSC | - | Multimedia Super Coridor |
| PBK | - | Pembelajaran Berbantuan Komputer |
| SPSS | - | Statiscal Package for Sosial Science |
| P&P | - | Pengajaran dan Pembelajaran |
| UTM | - | Universiti Teknologi Malaysia |
| WAV | - | Windows Wave |
| ZPD | - | Zone of Proximal Development |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|----------|---------------------|------------|
| A | Soal Selidik | 182 |
| B | Soalan Temubual | 188 |
| C | Analisis SPSS | 189 |
| D | Carta Alir Perisian | 193 |
| E | Surat Kebenaran | 194 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pada abad yang akan datang, permintaan terhadap tenaga manusia bukan sahaja memfokuskan kepada kuantiti tetapi akan lebih memfokuskan kepada aspek kualiti seseorang itu. Oleh yang demikian, dalam usaha kerajaan untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berkualiti ini seharusnya tidak dipandang sebagai perkara yang remeh oleh masyarakat. Dalam usaha untuk melahirkan tenaga manusia yang berkualiti, sistem pendidikan merupakan antara tunggak utama dalam merealisasikan keadaan ini. Pelbagai bentuk insentif seperti kajian, usaha dan tindakan dilakukan dalam mengkaji semula sistem pendidikan negara ini supaya ianya sejajar dengan persekitaran negara kita dalam melahirkan sumber tenaga manusia yang berkualiti serta seiring dengan perubahan dan kemajuan teknologi yang semakin maju sekarang ini.

Dewasa ini, dunia kita mengalami pelbagai perubahan dan kesan globalisasi dikatakan merubah dunia kita lebih cepat dari apa yang kita bayangkan, tidak terkecuali dalam bidang pendidikan yang merubah seiring dengan perkembangannya. Pendidikan di Malaysia kini berkembang dengan pesatnya disebabkan oleh era ledakan teknologi maklumat dan kian hampir dengan sasaran negara iaitu Wawasan 2020. Dalam aspek ini, perkembangan teknologi maklumat kini telah menjadi salah satu faktor pemangkin anjakan paradigma ke arah pembudayaan Sains dan Teknologi

bagi mewujudkan sumber manusia dan masyarakat yang berkebolehan dan berkemampuan dalam bidang teknologi selaras dengan misi dan visi Negara (Norjihan, 2005). Salah satunya kaedah yang membolehkan masyarakat kita berkebolehan dan berkemampuan dalam bidang teknologi ini adalah dengan menguasai penggunaan komputer. Kini penggunaan komputer semakin rancak digunakan dalam hampir semua bidang pekerjaan dan telah dianggap sebagai satu kemestian dan kewajipan untuk memilikinya. Tidak ketinggalan kini bidang pendidikan merupakan antara bidang yang semakin mendapat perhatian dalam mengaplikasikan teknologi komputer ini. Menurut Norhashim et al. (1996), mereka menyatakan bahawa penggunaan komputer dalam bilik darjah sebagai alat bantu pengajaran dan pembelajaran akan menjadi suatu perkara yang biasa sebagaimana media-media lain seperti kapur, papan hitam, televisyen, projektor lutsinar, slaid dan projektor slaid serta lain-lain pada masa akan datang. Memang tidak dapat dinafikan bahawa komputer merupakan alat atau mesin yang sangat berpotensi dalam membantu meringankan dan memudahkan beban kerja kita sehari-hari. Dalam konteks pendidikan, komputer bukan hanya mampu meringankan beban dalam sistem pengurusan pejabat di institusi pengajian dan sekolah semata-mata, tetapi ia juga berupaya menjadi alat yang boleh mempelbagaikan lagi persekitaran pengajaran dan pembelajaran kita. Selain kaedah berinteraksi secara fizikal, salah satu cara untuk kita berinteraksi dengan komputer adalah dengan memahami bahasa komputer atau pengaturcaraan.

Melihat senario pada zaman ledakan teknologi maklumat kini, masalah seharian manusia kebanyakannya berjaya diselesaikan dengan menggunakan pengaturcaraan komputer yang kini telah dianggap sebagai suatu teknologi yang amat penting. Penggunaan pengaturcaraan komputer telah terbukti dalam mengatasi pelbagai situasi permasalahan jika dilihat dalam persekitaran di sekeliling kita. Sebagai contohnya, pengaturcaraan komputer selalu digunakan dalam mesin Teler Automatik (ATM), penyediaan dan percetakan bil dan resit, penempahan tiket secara bertalian dan digunakan dalam menghasilkan alat bantu mengajar di mana-mana institusi pendidikan. Jadi, apakah yang dimaksudkan dengan aturcara komputer sebenarnya? Aturcara komputer didefinisikan sebagai set arahan yang mengarahkan komputer untuk melakukan sesuatu tugas yang diperlukan melalui pemprosesan data yang akan menjadi maklumat berguna. Berdasarkan kepada definisi yang diberikan,

kita boleh memahami bahawa terdapat tiga elemen penting dalam menghasilkan aturcara komputer iaitu input, proses dan output (Abdullah Zawawi, 2003).

Pengaturcaraan komputer merupakan salah satu subjek yang penting untuk mendapat ijazah yang berkaitan dengan bidang Kejuruteraan, Pendidikan dan Teknologi Maklumat. Justeru itu, pelajar-pelajar yang mendaftar diri dalam bidang seperti Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik, Sarjana Muda Pendidikan Serta Komputer, Sarjana Muda Sains Komputer dan lain-lain yang berkaitan adalah wajib untuk mengambil subjek bahasa pengaturcaraan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa apabila seseorang itu berdepan dan terlibat dengan bahasa pengaturcaraan, ianya memerlukan seseorang pengaturcara itu supaya banyak berfikir dan menyimpan banyak maklumat dalam ruang ingatan kerjanya. Antara maklumat yang disimpan tersebut termasuklah i. Sintaks dan semantik yang spesifik berdasarkan bahasa pengaturcaraan yang digunakan. ii. Sedikit model pemikiran tentang bagaimana untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan iii. Kebolehan untuk membezakan antara menyelesaikan masalah dan mengenal pasti penyelesaian (I.T. Chan Mow, 2008).

Bahasa pengaturcaraan merupakan elemen yang sangat penting kepada kemajuan dunia sains komputer, kejuruteraan dan pendidikan. Tetapi malangnya, elemen yang penting seperti inilah yang biasanya ditakuti dan tidak digemari oleh pelajar-pelajar. Asas yang penting bagi pelajar dalam menguasai bidang pengaturcaraan komputer adalah dengan mempunyai kesedaran akan kepentingan bahasa pengaturcaraan dan keupayaan memahami setiap struktur sesebuah bahasa pengaturcaraan tersebut. Bahasa pengaturcaraan tidak akan menjadi bebanan dan rintangan kepada pelajar lagi walaupun betapa sukar dan besarnya sesebuah bahasa pengaturcaraan tersebut jika pelajar dapat menguasai dan memahami bagaimana ianya berfungsi. Itulah asas bagi mengendalikan sesebuah program yang melibatkan bahasa pengaturcaraan (Erman dan Md Jan, 2004).

Desakan penerapan teknologi yang melibatkan pengaturcaraan ini semakin meningkat naik disebabkan oleh kelebihan dan manfaat yang dimilikinya dalam memudahkan dan melancarkan urusan-urusan seharian seperti pembangunan sistem-sistem yang menyediakan kemudahan-kemudahan kepada kita. Teknologi yang

semakin canggih kini juga telah menghasilkan pelbagai revolusi kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan negara kita. Seperti kita sedia maklum, kewujudan cabaran pendidikan semakin ketara apabila terdapat teknologi baru yang sentiasa diciptakan dalam kehidupan seharian kita. Teknologi telah banyak mengalami perubahan dan akan terus berubah dan seiring dengan perubahan ini, ianya sedikit sebanyak telah merubah kaedah pembelajaran kita. Dengan teknologi yang terlibat dalam pendidikan, para pelajar dilihat lebih aktif dalam aktiviti pembelajaran mereka. Manakala guru pula banyak memainkan peranan sebagai fasilitator. Komputer dan teknologi telah memberikan kesan yang positif di dalam sektor industri. Oleh sebab itu, sekolah dan mana-mana institusi pendidikan juga perlu menggunakan teknologi untuk meningkatkan kualiti dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan. Sekiranya industri lain boleh berjaya dengan menggunakan teknologi kenapa kita dalam bidang pendidikan tidak cuba untuk mengaplikasikannya secara serius? Sekiranya terdapat peluang untuk kita merubah ke keadah pembelajaran yang lebih efektif seiring dengan perkembangan teknologi yang berkembang dengan pesat ini, bayangkan alangkah ruginya kita jika kita membiarkan peluang tersebut pergi begitu sahaja.

1.2 Latarbelakang Masalah

Bahasa pengaturcaraan atau bahasa kompulasi merupakan teknik komunikasi piawai untuk menjelaskan arahan kepada komputer. Ia merupakan satu set peraturan sintaktik (*syntactic*) dan semantik (*semantic*) yang digunakan untuk menghasilkan sebuah program komputer (Wikipedia, 2010). Memang sudah menjadi kebiasaan bagi pengajar untuk menyampaikan isi kandungan sesuatu pelajaran sama ada yang berbentuk dinamik mahupun visual dengan menggunakan kaedah perkuliahan secara tradisi. Pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan kaedah tradisi sedikit sebanyak telah menyebabkan ramai pelajar kurang berminat dengan kandungan yang disampaikan oleh pengajar. Ini merupakan salah satu penyebab kenapa masih wujudnya masalah kelemahan pelajar dalam subjek yang melibatkan bahasa pengaturcaraan masih tidak dapat diatasi sepenuhnya. Konsep pengaturcaraan agak sukar untuk difahami dan dikuasai sekarang sehingga menyebabkan subjek ini

kurang diminati oleh rata-rata pelajar. Permasalahan yang wujud dari ini ialah, pengajar menghadapi kesukaran untuk memahamkan pelajar mengenai sesuatu isi pelajaran yang dinamik dengan menggunakan media statik seperti lakaran dipapan hitam atau melalui modul bercetak (Ashwin, 2004). Maka, untuk menarik minat pelajar dalam mempelajari subjek yang berkaitan dengan pengaturcaraan, kaedah atau aktiviti pengajaran dan pembelajarannya mestilah sesuatu yang seronok dan dapat menarik perhatian, serta dapat meninggalkan kesan dan impak yang positif.

Dewasa ini, pedagogi yang berdasarkan konsep '*chalk and talk*' didapati kurang memberikan kesan dan impak pada kebanyakan situasi pengajaran dan pembelajaran di bilik kelas (Ahmad Zamzuri, 2007). Selain itu, kaedah penyampaian sesuatu isi kandungan secara lisan dalam pembelajaran secara tradisi juga selalunya gagal untuk menyampaikan sesuatu maklumat visual dengan tepat, konsisten dan jelas terhadap semua pelajar kerana pelajar tidak dapat membayangkan maklumat tersebut dalam minda mereka. Sehubungan dengan itu, kegagalan ini akan menyebabkan pelajar hanya akan mendapat gambaran yang tidak tepat dan secara tidak langsung mereka gagal untuk memahaminya dan bertindak hanya menghafal konsepnya. Selain itu, jika terdapat ujian atau kuiz yang memerlukan mereka memahami konsep-konsep yang abstrak tersebut, mereka terpaksa melakukan aktiviti-aktiviti pembelajaran tambahan secara sendiri di luar waktu kelas. Jika sumber rujukan bagi mata pelajaran yang memang di luar batasan pengetahuan sedia ada, maka bebanan kognitif pelajar akan meningkat sepanjang proses pembelajaran sendiri tersebut. Bebanan ini seperti yang dibincangkan oleh Tabbers dan Van Merriënboer, 2004; Chandler, 1998 ; dan Klien, 1996 bahawa bebanan yang terlalu banyak di dalam memori kerja akan menyebabkan maklumat tercicir dan hilang serta mempunyai kesukaran untuk disimpan dalam memori jangka panjang sepanjang mereka mengulangkaji isi pelajaran tersebut (Ahmad Zamzuri, 2009).

Bagi sesiapa yang mendalami bidang Kejuruteraan, Sains Komputer mahupun Pendidikan, memahami konsep pengaturcaraan adalah sangat penting. Ini disebabkan oleh sebarang bentuk proses pengkomputeran akan dilakukan dengan menggunakan bahasa komputer. Walau bagaimanapun, objektif ini dilihat sebagai mustahil untuk dicapai disebabkan oleh minat yang semakin berkurangan di dalam memahami struktur algoritma komputer di kalangan pelajar. Seperti mana yang

dilaporkan oleh Hagan et al., (1997) yang menyatakan bahawa pengaturcaraan dianggap sebagai subjek yang paling sukar dan paling tidak menarik oleh sebahagian besar bagi pelajar tahun pertama di dalam semua program pengkomputeran di Universiti Monash. Pengaturcaraan telah dianggap sebagai sesuatu yang agak kompleks dan sukar serta sangat mencabar. Statistik bagi kadar lulus bagi subjek ini juga semakin berkurang. Meskipun tidak dapat dipastikan bahawa tahap kegagalan yang tinggi adalah dari unit pengaturcaraan, tetapi mereka mendapati bahawa kadar lulus rata-ratanya hanya berada pada paras 67 peratus (67%) sahaja (Bennedsen dan Caspersen, 2007).

Selain itu, mengikut Azizah Rahmat et al., (2005), mempelajari subjek pengaturcaraan masih merupakan tugas yang sangat susah bagi pelajar. Salah faham tentang konsep algoritma komputer dan kesulitan dalam memahaminya disebabkan oleh konsepnya yang terlalu abstrak masih merupakan masalah yang serius. Terutamanya, apabila pengajar tidak memberikan kepentingan dalam memilih strategi dan teknik pengajaran yang sesuai. Subjek yang berkaitan dengan pengaturcaraan dan ilmu komputer mengandungi banyak konsep yang abstrak dan para pelajar menghadapi kesukaran untuk menguasai atau memahaminya (Butler, M. dan Morgan, M., 2007). Disebabkan oleh pelajar tidak dapat menguasainya maka mereka tidak dapat memberikan jawapan yang tepat terhadap konsep abstrak ini apabila pengajar menggunakan kaedah pengajaran secara tradisional. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar cuba untuk menghafal fakta-fakta dan prinsip tersebut kerana mereka tidak dapat membayangkan peristiwa secara fizikal dalam fikiran mereka.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Maslin Masrom et al., (2003) yang bertajuk “Penilaian Pembelajaran Pengaturcaraan Komputer”, terdapat beberapa kesimpulan yang dibuat ke atas sebab-sebab pengaturcaraan dianggap sebagai suatu aktiviti yang kompleks dan membosankan bagi para pelajar. Antaranya adalah pelajar-pelajar berpendapat bahawa subjek yang berkaitan dengan pengaturcaraan atau algoritma komputer terlalu kompleks dan memerlukan penelitian yang tinggi dalam melaksanakannya, sukar untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan perlu banyak berfikir. Selain itu, ia juga memerlukan pemahaman yang mendalam kerana sesebuah program melibatkan banyak sintaks, terlalu sukar untuk membangunkan

aturcara, serta memerlukan masa yang lama untuk memahami sesuatu aturcara tersebut. Berdasarkan kenyataan Lahtinen E., (2007), masalah terbesar bagi seseorang untuk menguasai subjek yang berkaitan dengan pengaturcaraan bukan disebabkan oleh masalah untuk memahami konsep asasnya tetapi masalah pelajar untuk menerapkannya. Selain itu, menurut Chalk et al., (2003), mereka menyatakan bahawa mempelajari bahasa dan teknik penyelesaian masalah yang baru, seperti dalam pengaturcaraan, adalah merupakan aktiviti yang kompleks.

Selain itu, berdasarkan kajian yang dibuat oleh Erman dan Md. Jan (2004), masalah-masalah yang dikenalpasti yang dialami oleh pelajar dalam menguasai pengaturcaraan adalah seperti pelajar tidak dapat menggambarkan secara visual terhadap proses yang berlaku semasa atau disebalik pelaksanaan sesebuah aturcara tersebut. Lazimnya bahasa aturcara dengan pengkompil biasanya akan hanya terus memaparkan output akhir tanpa menunjukkan pelaksanaan baris demi baris. Mereka juga turut berpendapat bahawa pelajar tidak dapat melihat perubahan-perubahan yang berlaku ke atas setiap elemen dalam aturcara semasa aturcara tersebut dilaksanakan menjadi salah satu penyebab kepada masalah ini. Perubahan-perubahan ini merangkumi perubahan-perubahan dari aspek nilai pemboleh ubah yang digunakan. Ini disebabkan oleh sudah menjadi kebiasaan bagi pengkompil aturcara yang akan hanya memaparkan output sesuatu pemprosesan tersebut sahaja. Ini menyebabkan pelajar yang baru berjinak-jinak dengan bahasa pengaturcaraan sukar memahami fungsi dan perubahan-perubahan yang berlaku kepada pemboleh ubah semasa berlakunya pemprosesan dan pelaksanaan aturcara tersebut (Erman dan Md. Jan, 2004).

Kesukaran ini juga turut melanda pelajar-pelajar kejuruteraan di universiti yang mengambil subjek pengaturcaraan pada tahun pertama mereka dimana mereka mengalami kesulitan semasa pembelajaran pengaturcaraan. Alasan utama mereka adalah disebabkan oleh pengaturcaraan mempunyai domain yang abstrak, di mana kedua-dua sama ada pensyarah atau pun pelajar mempunyai masalah dalam menjelaskan dan memahami konsep-konsep yang abstrak secara verbal (Sun-Hea Choi et al., 2001). Ramai pelajar telah menunjukkan kesukaran berhubung dengan pembelajaran domain-domain yang abstrak seperti pengaturcaraan. Agak sukar untuk kita memahami konsep yang abstrak yang kita tidak dapat menggambarkan

prosesnya sepertimana kajian yang telah membuktikan bahawa 65% di dapati melalui visualisasi. Bak kata sebuah pepatah Cina “*Seeing is believing.*”

Menyedari isu ini, kajian ini akan mengkaji kaedah yang akan membawa manfaat untuk pelajar mahupun pengajar. Ramai pihak mempercayai bahawa gabungan teknologi merupakan penyelesaian yang terbaik yang akan membuatkan pembelajaran konsep pengaturcaraan lebih mudah untuk difahami dengan integrasi aspek multimedia. Pembelajaran pengaturcaraan sekarang sepatutnya mempunyai perspektif baru apabila teknologi kini digunakan secara meluas di dalam semua aspek dalam kehidupan seharian kita. Kadang-kadang, kita sentiasa berfikir kenapa kartun sangat mudah untuk diingati dan difahami dari awal sehingga penghujung cerita.

Maka kajian ini akan mengkaji penggunaan multimedia dalam membantu kefahaman dalam mempelajari konsep pengaturcaraan iaitu dengan memilih sub topik Isihan (*Sorting*) dalam subjek Struktur Data dan Algoritma. Rasional pemilihan sub topik ini adalah kerana konsep Isihan sukar untuk di terangkan secara verbal dan grafik statik sahaja kerana konsepnya yang abstrak serta memerlukan daya visualisasi yang tinggi (Matsaggouras, 1997). Selain itu, untuk memahami konsep aturacara terutamanya yang berdasarkan konsep isihan adalah sukar bagi para pelajar kerana ianya melibatkan prosedur yang kompleks serta abstrak. Oleh sebab itu, untuk memahaminya memerlukan pelajar menggunakan fungsi daya mental yang tinggi. Bahkan, pelajar mengalami kesukaran dalam memahami cara isihan berfungsi dan juga bagaimana algoritma ini digambarkan dengan menggunakan dasar algoritma berstruktur (Vlachogiannis, et al., 2001; Spohrer, dan Soloway, 1989). Lantas dari situasi begini, maka kebanyakan kes pelajar akan mengambil langkah mudah dengan hanya lebih menghafal konsepnya daripada memahaminya.

1.3 Pernyataan Masalah

Struktur data dan pengaturcaraan mengandungi konsep dan proses yang abstrak dimana ianya membuatkan ramai orang menghadapi kesukaran untuk memahaminya dimana pelajar tidak memahami proses yang berlaku sebenarnya di sebalik aturcara-aturcara tersebut. Konsep Isihan biasanya merupakan proses penyusunan sekumpulan objek atau data mengikut susunan yang betul sama ada secara menaik atau menurun. Tujuan proses isihan dijalankan adalah untuk memudahkan proses carian data-data yang telah disusun (N. Wirth, 2004). Terdapat beberapa teknik isihan dan setiap teknik mempunyai cara isihannya yang berbeza. Di sebabkan oleh konsepnya yang sukar diterangkan secara verbal, maka konsepnya dilihat sebagai sukar dan kompleks untuk difahami. Kesukaran yang dialami ini menyediakan keadaan yang akan memberikan ruang dan galakan kepada pelajar untuk hanya menghafal mengenai konsep tersebut sedangkan kaedah untuk mendalami sesuatu konsep dengan betul, pelajar seharusnya dapat memahaminya dengan baik. Tambahan kepada keadaan ini juga akan menyebabkan pelajar berasa bosan, tertekan dan mempunyai anggapan bahawa subjek pengaturcaraan adalah suatu matapelajaran yang sukar dan kompleks. Kekeliruan terhadap konsep yang abstrak ini akan menyebabkan pelajar menjadi kurang berminat untuk mempelajari tajuk ini.

Disebabkan oleh perkembangan teknologi komputer dan multimedia terkini yang mempunyai pelbagai manfaat, menyebabkan desakan untuk menerapkannya di dalam bahan pembelajaran dan dijadikan bahan bantu mengajar semakin meningkat. Justeru itu, para pengajar perlulah memilih untuk menggunakan kaedah dan strategi pengajaran yang lebih menarik dan berkesan untuk menyemarakkan kembali minat pelajar terhadap konsep pengaturcaraan dan menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang seronok, menarik dan berkesan. Oleh sebab itulah, perisian pembelajaran multimedia yang berkonsepkan animasi berkomputer yang menerapkan elemen-elemen multimedia dan berpandukan teori pembelajaran ini akan dihasilkan di mana segala kandungannya adalah berkisar tentang konsep Isihan dalam subjek Struktur Data dan Algoritma. Jadi, persoalannya, adakah penggunaan perisian multimedia dengan menggunakan kaedah yang berasaskan animasi ini dapat membantu pelajar dalam memahami konsep Isihan?

1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif yang telah dikenal pasti dalam menjalankan kajian ini di mana kajian ini adalah bertujuan untuk:

- i. Membangunkan satu perisian multimedia dengan menggunakan kaedah animasi berkomputer bagi pembelajaran konsep Isihan dalam mata pelajaran Struktur Data dan Algoritma
- ii. Mendapatkan penilaian pelajar terhadap perisian multimedia ini dari tiga aspek reka bentuk iaitu:
 - a) reka bentuk informasi
 - b) reka bentuk interaksi
 - c) reka bentuk persembahan
- iii. Membantu pelajar memahami konsep Isihan dengan lebih jelas melalui bantuan perisian multimedia yang dibangunkan.

1.5 Persoalan Kajian

Khususnya kajian ini meneliti beberapa persoalan seperti berikut:

- i. Apakah maklum balas pelajar dari aspek reka bentuk informasi yang digunakan dalam perisian multimedia ini?
- ii. Apakah maklum balas pelajar dari aspek reka bentuk interaksi yang digunakan dalam perisian multimedia ini?
- iii. Apakah maklum balas pelajar dari aspek reka bentuk persembahan yang digunakan dalam perisian multimedia ini?
- iv. Adakah perisian multimedia ini dapat membantu pelajar memahami konsep Isihan dengan lebih jelas?

1.6 Rasional Kajian

